

PROSES TEMUDUGA & PENGWUJUDAN PANEL PENGESAHAN PTJ

Proses temuduga akan dijalankan oleh Panel Pengesahan Pusat Tanggungjawab (PIJ) yang akan dipengerusikan oleh Dekan / Ketua Jabatan dan keahlian terdiri daripada Timbalan Dekan / Pengerusi Rancangan / Pegawai Pentadbiran Gred 54/52/48 serta urusetia terdiri daripada Pegawai Pentadbiran Gred 48/44/41.

Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan hanya akan menemuduga semua kumpulan staf bagi kes berikut setelah diperakukan oleh Panel Pengesahan PIJ:

- Perakuan tempoh pengesahan selepas satu tahun perkhidmatan (kes cemerlang)
- Kes-kes lanjutan tempoh percubaan

Semua perakuan Panel Pengesahan PIJ akan dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan yang dibahagikan kepada tiga kategori:

- A. Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional Akademik Gred 41—54 dan Bukan Akademik Gred 48—54 dipengerusikan oleh TNC A&A
- B. Staf Kumpulan Bukan Akademik Gred 27—44 dipengerusikan oleh Pendaftar
- C. Staf Kumpulan Bukan Akademik Gred 1-26 dipengerusikan oleh Pengarah Kampus/ Timbalan Pendaftar Kanan BPSM&P

Untuk maklumat lanjut sila hubungi :

*En. Anuar Ibrahim
(samb. 3317/abi@notes.usm.my) ;*

*En. Nor Hamizi Md. Amin
(samb. 2694/hamizi@notes.usm.my)*

atau

*Pn. Chuah Beng Hoon
(samb. 3120/beng_hoon@notes.usm.my)*

*UNIT PERKHIDMATAN & SARAN
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER
& PENTADBIRAN
JAWATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA*



GARIS PANDUAN KRITERIA PENGESAHAN DALAM JAWATAN



**UNIT PERKHIDMATAN & SARAN
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER
MANUSIA & PENTADBIRAN
JAWATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**



GARIS PANDUAN PENGESEHAN DALAM JAWATAN

LATAR BELAKANG

Di bawah pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, dinyatakan bahawa staf yang memilih Sistem Saraan Malaysia boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam jawatan dalam tempoh 1 hingga 3 tahun setelah memenuhi semua syarat-syarat pengesahan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Universiti.

SYARAT-SYARAT PENGESEHAN DALAM JAWATAN

Syarat-syarat pengesahan yang ditetapkan ialah:

1. Lulus Kursus Induksi Khusus dan Kursus Induksi Umum
2. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan (bagi skim perkhidmatan yang berkaitan)
3. Diperakukan oleh Ketua Jabatan
4. Lulus Bahasa Malaysia Peringkat Maju (Ujian Lisan, Ujian Bertulis dan Ujian Penyampaian Kuliah) - khusus untuk Pensyarah Universiti

Pengecualian syarat pengesahan dalam jawatan bagi syarat pengesahan (1), (2) dan (4) boleh diberi pengecualian jika:

- Sekiranya staf telah menduduki dan lulus Peperiksaan Am Kerajaan atau Kursus Induksi sebelum ini, maka staf adalah dikehendaki memohon kepada Penolong Pendaftar (Unit Perkhidmatan & Saraan), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Pentadbiran, Jabatan Pendaftar untuk dikecualikan daripada menghadiri Kursus Induksi dengan menyertakan bersama maklumat keputusan Peperiksaan Am Kerajaan atau Kursus Induksi yang telah diduduki di dalam perkhidmatan lama staf. Tanpa permohonan rasmi daripada staf pihak Universiti akan menganggap bahawa staf perlu menduduki Kursus Induksi dalam jawatan baru staf untuk tujuan pengesahan dalam jawatan.
- Universiti bersedia mempertimbangkan pengecualian kelulusan di dalam Peperiksaan bahasa Malaysia Peringkat Maju sekiranya staf telah menunjukkan kemahiran menggunakan Bahasa Malaysia seperti di dalam kuliah, tutorial dan juga di dalam bidang penerbitan. Permohonan pengecualian ini bolehlah dibuat oleh staf melalui Ketua jabatan masing-masing untuk pertimbangan pihak Universiti

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor pada 8 April 2003 telah bersetuju bahawa staf baru boleh disahkan dalam tempoh selepas satu tahun perkhidmatan dengan syarat staf hendaklah berprestasi cemerlang.

KRITERIA GARIS PANDUAN PENGESEHAN DALAM JAWATAN

Garis panduan berikut telah ditetapkan, iaitu:

- Staf yang cemerlang ialah staf yang mencapai markah prestasi 85% ke atas dan dengan itu boleh dipertimbangkan selepas tempoh satu tahun perkhidmatan
- Staf yang berprestasi baik iaitu purata markah 70% ke atas boleh dipertimbangkan selepas tempoh 2 tahun perkhidmatan
- Staf yang berprestasi memuaskan iaitu purata markah 50% ke atas boleh dipertimbangkan dalam tempoh 3 tahun perkhidmatan

PENGECCUALIAN

Kriteria ini dikecualikan untuk staf yang pernah disahkan dalam jawatan bagi kumpulan perkhidmatan yang sama (Kumpulan Pengurusan & Profesional / Kumpulan Sokongan I / Kumpulan Sokongan II) dan mendapat pelepasan dengan izin (bagi perkhidmatan dari luar USM) yang mana mereka boleh disahkan selepas tempoh satu tahun dengan perakuan Ketua Jabatan.